


KALENDAR **Suria, Qamariah** **& Lunisolar**



KALENDAR SURIA, QAMARIAH & LUNISOLAR

Info Ringkas

Sistem Undang-Undang Islam meliputi pentadbiran kalendar Islam dengan peraturan yang tertentu. Negara Islam memberikan penekanan yang khusus pada penyelidikan astronomi dan ini menjadi unsur biasa dalam pendidikan agama dan undang-undang secara formal. Peraturan umum termasuklah:

- Panjang sesuatu bulan: (tidak kurang daripada 29 hari) & (tidak lebih daripada 30 hari).
- Panjang sesuatu tahun : (tidak kurang daripada 354 hari) & (tidak lebih daripada 355 hari).
- Bilangan maksimum bulan berturut-turut daripada satu jenis: (bulan 30 hari: 4) & (bulan 29 hari: 3)
- Setiap bulan baru bermula dengan cahaya bulan pertama dari anak bulan di ufuk Barat selepas matahari terbenam.
- Cuba lihat anak bulan pada hari ke-29 tetapi jika tidak kelihatan, lengkapkan bulan itu sebanyak 30 hari.
- Laporan kelihatan mesti disokong dengan laporan saksi: (jika oleh lelaki: 1 saksi) & (jika oleh perempuan: 2 saksi)
- Orang berkenaan mestilah boleh dipercayai, dewasa, jujur, waras, baik penglihatan (tersirat) dan dihukum jika terbukti sengaja hendak menipu.

- Laporan kelihatan tidak harus bercanggah dengan kefahaman saintifik yang asas dan hukum tabi'i malah penglibatan ahli sains profesional memang perlu untuk memastikan sama ada laporan kelihatan boleh dipercayai atau tidak. Ujian saintifik termasuk memeriksa parameter yang berkaitan iaitu bentuk bulan sabit, kedudukan di langit dan altitud, waktu pencerapan dan keadaan langit.
- Usaha melihat anak bulan mesti dilakukan secara teratur bagi setiap bulan.
- Dalam sistem Islam memang sudah ada kekuatan yang membantu mengelakkan sesuatu kesilapan daripada bertambah syariah juga membolehkan pembetulan kesilapan. Katakan pada hari ke-28 bulan Islam anak bulan telah kelihatan, pembetulan akan dibuat pada permulaan bulan memandangkan sesuatu bulan hanya mengandungi 29 atau 30 hari.

(Sumber: Sistem Kalendar Islam Dari Perspektif Astronomi, Mohammad Ilyas)

Info Hijriah

HARI	TARIKH	NOTA PENTING
Hari 1 (Khamis)	9 September 622M 26 Safar 1H	Meninggalkan rumah di Mekah. Tinggal tiga (3) hari di Gua Thur yang berdekatan kota suci Mekah.
Hari 5 (Isnin)	13 September 622M 1 Rabiulawal 1H	Meninggalkan wilayah Mekah. Perjalanan ke daerah Yathrib.
Hari 12 (Isnin)	20 September 622M 8 Rabiulawal 1H	Tiba di Masjid Quba' dekat Madinah.
Hari 16 (Jumaat)	24 September 622M 12 Rabiulawal 1H	Kunjungan pertama ke Madinah untuk solat Jumaat.
Hari 26 (Isnin)	4 Oktober 622M 22 Rabiulawal 1H	Pindah dari Masjid Quba' ke Madinah.
Mekah ke Madinah: 320km. Menggambil masa lapan (8) hari.		
	Tarikh Hijriah menandakan permulaan tahun kalendar atau takwim bagi umat Islam	Bermula dari zaman pemerintahan Sayidina Umar (رضي الله عنه)

Nama-Nama Hari Dalam Seminggu

Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu
يوم الأحد	يوم الإثنين	يوم الثلاثاء	يوم الأربعاء	يوم الخميس	يوم الجمعة	يوم السبت



KALENDAR QAMARIAH/ HIJRIAH

- 354.36 Hari: Tahun 1 Hijriah (Jumaat) = 1 Muharam 1H; 16 Julai 622M.
- 1 Muharam disambut pada musim berlainan iaitu berganjak 10 atau 11 hari lebih awal setiap tahun.
- 1 Hijriah: Tahun pertama Hijriah ialah Jumaat. 1 Muharam 1H bersamaan 16 Julai 622M.
- Berpandukan kiraan bulan semata-mata (mengikut fasa bulan).
- Setiap tahun, hari kebesaran Islam dirayakan dalam musim yang berlainan. Ia akan kembali ke musim asal setiap 33 tahun (1 pusingan lengkap).
- Hari pertama setiap bulan akan bermula selepas anak bulan (hilal) kelihatan ketika matahari terbenam.
- Jika hilal tidak kelihatan selepas 29 hari pada bulan itu, sama ada dilindungi awan atau langit di ufuk Barat terlalu terang apabila bulan terbenam, maka hari berikutnya dikira sebagai hari yang ke-30.

Kalendar Pengiraan Takwim Qamariah Istīlahī

Takwim Qamariah Istīlahī menggunakan tempoh purata Bulan Sinod selama (29.53058 hari x 12 bulan x 30 tahun = 10,631.0088 hari) yang disusun secara formulasi (tidak bertepatan dengan fasa bulan). Jumlah 30 tahun ini akan dibahagikan kepada 19 tahun biasa (بسيطة) mengandungi 354 hari dan 11 tahun lompat (كبيسة) yang mengandungi 355 hari.


KALENDAR Suria, Qamariah & Lunisolar

- Aspek ilmu falak yang mendapat perhatian utama umat Islam ialah takwim, penentuan arah kiblat dan waktu solat. Ini disebabkan keperluannya dalam menjalani ibadat seharian.
- Ketiga-tiga aspek ilmu falak tersebut termasuk dalam bidang ilmu *miqat* (ilmu yang berkaitan dengan penentuan waktu). Ilmu *miqat* pernah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan sekolah-sekolah agama terutamanya bagi negeri Kelantan sebelum tahun 1970-an.
- Setelah kedatangan Islam, unit minggu dikekalkan tetapi nama hari ditukar menjadi Jumaat, Sabtu, Ahad, Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Bermula dari minggu, unit takwim seterusnya ialah bulan. Nama-nama bulan dalam Takwim Masihi sekarang merupakan warisan dari Tamadun Yunani. Jumlah hari dalam sebulan sama ada mengambil tempoh ulangan perubahan fasa bulan atau tempoh laluan matahari dalam sesuatu zodiak.

TAKWIM SOLAR JULIAN

Pengasas	Julius Caesar
	Pada tahun 709 auc atau tahun 46 sebelum Masihi. Ahli falak bernama Sosigenes.
Susunan	Bumi mengelilingi matahari.
Asas	12 bulan (setahun) dengan bilangan hari (365 hari) dengan tambahan satu (1) bagi setiap empat (4) tahun.
Bilangan hari	Antara tahun 43 hingga tahun ke-10 sebelum Masihi berlaku pertambahan hari pada setiap tiga (3) tahun.

Pengasas	Augustus Caesar
Susunan	Bumi mengelilingi matahari.
Asas	Pengiraan tahun lompat ini dihentikan dan hanya disambung pada tahun ke-4 selepas Masihi.
Bilangan hari	Bulan Februari hanya mempunyai 28 hari dan 29 hari (tahun lompat). Bulan Ogos ditambah satu (1) hari menjadi 31 hari.



- Skala satu tahun pula bersamaan dua belas (12) bulan dan kekal digunakan sebagai asas pengiraan tahun. Bilangan bulan dalam takwim orang-orang Islam, iaitu Takwim Hijriah juga dua belas (12) bulan. Ini dijelaskan oleh firman Allah ﷻ yang bermaksud:
- "Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah dua belas bulan dalam Kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Demikianlah agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya dirimu dalam bulan-bulan itu; dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang yang bertakwa." (Surah at-Taubah:36).

KALENDAR Suria GREGORIAN

- Pengasas** : Pope Gregory XIII (Kalendar Gregorian) 1582 Masihi.
- Susunan** : Tempoh pusingan bumi mengelilingi matahari.
- Asas** : Tahun tropika, selama 365.25 hari 5 jam 48 minit dan 45.3 saat (365.242191 hari).

Bilangan Hari:

- 365 hari dan setiap empat (4) tahun: 366 hari menjadi tahun lompat.
- Hitungan tahun lompat: (4) empat tahun sekali.
- Perubahan hari: berlaku ketika tengah hari di Greenwich.

Kesan: Ekuinoks (musim bunga) teranjak ke hadapan setiap tahun dan tiba lebih awal.

Penggunaan Kalendar:

Di China, Kalendar Gregorian (Kalendar Umum atau Kalendar Barat) digunakan untuk kebanyakan kegiatan harian.

NAMA BULAN DALAM MASIHI/	NAMA BULAN MENGIKUT KALENDAR GREGORIAN	الشهور السريانية-الميلادية
JANUARY	Named after Janus (two faced god)	يناير
FEBRUARY	Named after Februa (ritual sacrifice) became Lupercus (god of shepherds)	فبراير
MARCH	Named after Mars (god of war)	ماريس
APRIL	Named after Aprilis (to open) also Aphrodite (goddess of love)	أبريل
MAY	Named after Maia (goddess of fertility & growth)	مايو
JUNE	Named after Juno (goddess of marriage) also Queen of gods	يونيو
JULY	Named after Julies Caesar (Roman general)	يوليو
AUGUST	Named after Augustus Caesar (Roman emperor)	أغسطس
SEPTEMBER	Named after the number 7 (latin=Septem)	سبتمبر
OCTOBER	Named after the number 8 (latin=Octo)	أكتوبر
NOVEMBER	Named after the number 9 (latin=Novem)	نوفمبر
DECEMBER	Named after the number 10 (latin=Decem)	ديسمبر

KALENDAR LUNISOLAR

Asas : Mengikut kedua-dua bulan dan matahari.

Beza : Tahun Hijriah dengan tahun Masihi ialah 622 tahun.

Persamaan Hari :

Tahun Hijriah dan tahun Masihi sama harinya pada setiap lebih kurang 33 tahun sekali.

Jenis Kalendar Lunisolar :

- Kalendar Cina
- Takwim Ibrani
- Kalendar Hindu

Bilangan Hari :

Setahun Hijriah Qamariah (354 hari= 8 jam, 48 minit, dan 36 saat).
Setahun Masihi Shamsiyah (365 hari= 6 jam, 9 minit dan 9.5 saat).

Perbezaan Hari :

10/11 atau 12 hari dalam setahun iaitu terpulang sama ada salah satu atau kedua-duanya tahun kabīsat (كبيسة) : tahun yang jumlah harinya sehari lebih daripada tahun biasa).

Pebezaan Tahun :

33 tahun Hijriah lebih kurang sama dengan 32 tahun Masihi.

Penggunaan Kalendar :

Bagi masyarakat Cina, Kalendar Cina (Kalendar Pertanian atau Kalendar Tradisional) digunakan untuk perayaan orang Cina tradisi seperti Tahun Baru Cina, perayaan *Daun Wu*, memilih tarikh sesuai melangsungkan perkahwinan dan merasmikan pembukaan bangunan baru.

1582		OCTOBER					1582	
SUN	MON	TUE	WED	THU	FRI	SAT		
	1	2	3	4	15	16		
17	18	19	20	21	22	23		
24	25	26	27	28	29	30		
31								

When the Julian calendar was corrected by Pope Gregory in 1582, ten days were dropped from the calendar count, as shown here. What would have been Friday the 5th became Friday the 15th. The continuity of the days of the week was not altered or interrupted, nor has it been in any calendar change since.

NAMA BULAN DALAM ISLAM	الشهور القمرية	MAKSUD NAMA-NAMA BULAN
MUHARAM	محرم	Muharam pula dinamakan demikian kerana salah satu bulan yang diharamkan berperang.
SAFAR	صفر	Safar pula ertinya kosong kerana isi negeri menjadi kosong disebabkan penduduknya keluar berperang selepas Muharam.
RABIULAWAL	ربيع الأول	<i>Rabi'</i> (musim bunga yang awal). Rabiulawal dan Rabiulakhir dinamakan demikian kerana kedua-duanya jatuh pada musim bunga (<i>Rabi'</i>) waktu nama itu diberikan.
RABIULAKHIR	ربيع الآخر	<i>Rabi'</i> (musim bunga yang akhir).
JAMADILAWAL	جمادى الأول	<i>Jamād</i> (beku - musim sejuk yang awal). Begitu juga dua Jamad (Jamadilula/Jamadilawal dan Jamadilakhir) tidak selalunya jatuh pada musim sejuk walaupun <i>Jamād</i> bermaksud beku.
JAMADILAKHIR	جمادى الآخر	<i>Jamād</i> : beku-musim sejuk yang akhir.
REJAB	رجب	Rejab pula ertinya bulan yang dihormati kerana mereka menghormatinya dengan meninggalkan peperangan. Sehubungan dengan itu, ia termasuk di dalam salah satu bulan haram.
SYAABAN	شعبان	Syaaban (bercabang) pula mendapat namanya kerana kabilah-kabilah Arab berpecah dan bercabang untuk berperang selepas duduk diam pada bulan Rejab.
RAMADAN	رمضان	Ramadan yang berasal daripada <i>al-Ramadha'</i> (رمض) bermaksud sangat panas, tidak selalunya jatuh pada musim panas.
SYAWAL	شوال	Dinamakan bulan Syawal kerana pada bulan itu unta mengangkat ekornya kerana hendak mengawan. Berasal daripada kata akar <i>sya'la</i> (شأل) (mengangkat).
ZULKAEDAH	ذوالقعدة	Zulkaedah ertinya duduk iaitu bulan yang mereka duduk di rumah tanpa peperangan.
ZULHIJAH	ذوالحجة	Zulhijah pula diambil namanya daripada perkataan <i>hajj</i> (bulan Haji).

